

# Perjanjian Perkhidmatan

Tarikh Kuat Kuasa  
01.02.2017

Dikemas kini  
10.02.2019

## Isi Kandungan:

1. Peruntukan Am dan Tajuk Perjanjian
2. Terma dan Takrifan
3. Komunikasi dan Peruntukan Maklumat
4. Cara untuk menggunakan perkhidmatan syarikat.
5. Tuntutan dan Penyelesaian Pertikaian
6. Undang-undang Yang Diguna Pakai
7. 7. Force Majeure
8. Liabiliti Pihak Terlibat
9. Tempoh dan Penamatan Perjanjian
10. Peruntukan Akhir
11. Senarai Negara yang mana Syarikat Tidak Menjalankan Urus Niaga

## 1. Peruntukan Am dan Tajuk Perjanjian

1.1. Perjanjian Perkhidmatan ini dimeteraikan antara INLUSTRIS LTD., yang berdaftar di First Floor, First St Vincent Bank Ltd Building, James Street, Kingstown, St. Vincent and the Grenadines, nombor pendaftaran 25161 IBC 2018 (selepas ini – Syarikat) dan individu yang melengkapkan borangpendaftaran di laman web Syarikat atau di platform perdagangan dan menerimaterma-terma Perjanjian Perkhidmatan ini dan lampiran yang disertakan di sinisemasa pendaftaran (selepas – Klien) Ejen Pembayaran yang dilantik oleh Syarikat untuk melaksanakan transaksi bukan perdagangan di bawah Perjanjian ini juga adalah Pihak (Pihak-pihak) kepada Perjanjian ini.

Syarikat, Ejen Pembayaran dan Klien secara bersama dirujuk sebagai "Pihak-pihak".

12. Dokumen berikut adalah sebahagian penting Perjanjian Perkhidmatan ini (lampiran kepada Perjanjian Perkhidmatan ini):

- a. Pertaturan berkenaan transaksi perdagangan;
- b. Peraturan berkenaan transaksi bukan perdagangan dan dasar KYC/AML;
- c. Pendedahan Risiko;
- d. Dokumen lain yang ditempatkan di bahagian "Maklumat Undang-undang" di laman web Syarikat, termasuk tetapi tidak terhad kepada subdomain laman web Syarikat yang boleh diakses oleh Klien dan /atau di terminal perdagangan.

Syarikat boleh secara satu pihak mengubah senarai, nama dan kandungan lampiran kepada Perjanjian ini. Syarikat boleh menambah lampiran baru kepada Perjanjian atau memadam lampiran yang sedia ada tanpa membuat sebarang pindaan terhadap fasal ini.

Teks Perjanjian Perkhidmatan dan lampirannya dirujuk sebagai Perjanjian

1.3. Perjanjian mewakili tawaran yang disiarkan di laman web Syarikat yang harus dianggap sebagai tawaran untuk memasuki Perjanjian ini menurut terma yang dinyatakan di dalamnya. Tawaran yang disiarkan tidak terbuka secara awam. Syarikat mengikut budi bicaranya boleh menolak untuk memasuki Perjanjian dengan sesiapa tanpa penjelasan sebab untuk penolakan tersebut, jika pendaftaran berlaku, untuk menamatkan hubungan kontrak dan untuk menyekat akses kepada terminal perdagangan. Pendaftaran Klien di Laman Web Syarikat atau di terminal perdagangan dianggap sebagai penerimaan tanpa syarat terhadap terma-terma yang dinyatakan. Sebaik sahaja Syarikat menerima bayaran untuk mengisi akaun perdagangan Klien, setiap transaksi Klien yang menggunakan terminal atau Papan Pemuka perdagangan akan tertakluk kepada Perjanjian ini.

1.4. Klien mesti meneliti terma Perjanjian ini dengan cermat. Dengan menerima terma-terma Perjanjian ini, Klien bersetuju kepada terma semua lampirannya yang disenaraikan di atas, termasuk terma-terma mengenai subdomain laman web Syarikat yang boleh diakses oleh Klien dan mengesahkan bahawa dia (Klien) adalah dewasa yang kompeten dan bukan penduduk tetap negara yang mungkin mengangap perdagangan opsyen sebagai melanggar undang-undang.

Klien juga mewakili dan menjamin kepada Syarikat bahawa:

1.4.1. Semua maklumat yang diberikan semasa pendaftaran Klien dan semasa pelaksanaan Perjanjian, adalah benar, tepat, boleh dipercayai dan lengkap dari semua aspek, dan Klien melengkapkan borang pendaftaran secara persendirian;

1.4.2. Klien mempunyai kuasa yang diperlukan untuk memasuki Perjanjian, untuk menghantar permintaan dan memberi arahan, dan untuk memenuhi kewajipan mereka menurut terma-terma Perjanjian;

1.4.3. Klien akan melaksanakan semua transaksi perdagangan dan bukan perdagangan secara sendiri bagi pihaknya sendiri dan dengan perbelanjaan sendiri dan tidak akan menggunakan dana yang diterima daripada lain-lain klien Syarikat atau daripada pihak ketiga untuk melaksanakan transaksi. Klien akan melaksanakan transaksi perdagangan dan bukan perdagangan bagi pihaknya sendiri dan perbelanjaan sendiri, bertindak secara munasabah dan berniat baik; Klien tidak akan mengambil tindakan yang diselaraskan dengan lain-lain klien Syarikat yang bertujuan untuk memudaratkan Syarikat; Klien tidak akan mengambil kesempatan ke atas ciri-ciri teknikal kemas kini suapan sebut harga di terminal perdagangan dan tidak akan mengambil kesempatan ke atas pepijat dan kelemahan perisian di terminal perdagangan yang ditemuinya untuk mendapatkan pendapatan; Klien tidak akan menggunakan kaedah dan teknik yang tidak berprinsip atau tidak jujur semasa melaksanakan dagangan (transaksi) dengan Syarikat; Klien tidak akan menggunakan maklumat orang dalam, maklumat sulit atau sebarang maklumat lain untuk mendapatkan faedah semasa berdagang dengan Syarikat dan/atau untuk memudaratkan Syarikat;

1.4.4. Klien akan mematuhi norma undang-undang, secara khususnya norma antarabangsa yang bertujuan untuk pengawalan dagangan haram, penipuan kewangan dan pelaburan wang haram;

1.4.5. Klien tidak akan menggunakan terminal perdagangan atau laman web untuk melibatkan diri dalam kegiatan kewangan haram atau apa-apa transaksi haram yang lain;

1.4.6. wang yang disenaraikan oleh Klien di akaun Syarikat mempunyai asal yang sah dari segi undang-undang. Klien memiliki wang secara sah dan berhak untuk menggunakannya. Akaun Klien tidak akan diisi semula daripada akaun bank pihak ketiga atau dompet elektronik. Klien tidak akan mengisi semula akaun klien pihak ketiga atau mengeluarkan wang daripada akaun Klien ke akaun bank pihak ketiga atau dompet elektronik.

1.4.7. tiada tindakan Klien menurut Perjanjian akan melanggar sebarang undang-undang, peraturan, hak, undang-undang kecil atau aturan yang terpakai kepada Klien atau dalam bidang kuasa tempat duduk Klien atau peruntukan mana-mana perjanjian lain yang mengikat Klien atau melibatkan sebarang aset Klien

1.4.8. Semasa melaksanakan transaksi, Klien akan menggunakan peranti yang dimilikinya dan bersambung kepada platform perdagangan menggunakan saluran komunikasi dan peralatan milik dan berdaftar kepada Klien (termasuk nombor telefon, alamat ip, dsb.). Klien tidak akan menggunakan peranti pihak ketiga, alat perahsia nama atau lain-lain peranti dan peralatan pihak ketiga atau peranti dan peralatan yang memungkinkan penyembunyian alamat ip sebenar Klien, lokasi sebenar dan titik sambungan ke platform perdagangan;

1.4.9. Klien bukan merupakan kakitangan kerajaan persekutuan atau perbandaran, pekerja institusi perbandaran atau nasional, pekerja organisasi nasional atau perbandaran, sebuah organisasi yang mana kerajaan memiliki kepentingan majoriti. Klien tidak berperanan politik atau merupakan ahli keluarga atau saudara seseorang yang berperanan politik. Klien bukan seorang yang behubungan rapat dengan seseorang yang berperanan politik. Klien bukan seorang yang berhubungan dengan Amerika Syarikat atau kerajaan lain yang mana Syarikat tidak beroperasi. Syarikat mentafsirkan dan menggunakan terma-terma yang digunakan dalam fasal ini secara bebas mengikut budi bicaranya menurut norma undang-undang antarabangsa dan/atau undang-undang negara yang khusus, terma dan istilah yang diterima secara umum, dan adat perniagaan biasa.

1.5. Subjek Perjanjian ini adalah definisi syarat-syarat am yang mana Pihak-pihak melaksanakan transaksi (dagangan), yang mana kandungan dan prosedurnya ditetapkan dalam Perjanjian ini. Syarikat menetapkan dan boleh mengubah mengikut budi bicara tunggalnya syarat yang penting untuk transaksi (dagangan), boleh menghadkan bilangan dagangan yang dilaksanakan secara serentak, dan had bilangan dagangan yang dilakukan oleh Klien dalam tempo yang ditetapkan oleh Syarikat.

## **2. Terma dan Takrifan**

21. Aset – instrumen kewangan dasar suatu opsyen. Aset boleh terdiri daripada saham syarikat, indeks saham, pasangan matawang (kadar pertukaran satu

matawang ke matawang lain), sebut harga barang dalam bursa komoditi, opsyen komoditi, dll.

22. Baki Akaun Klien – jumlah wang dalam akaun Klien.

23. Opsyen - Instrumen kewangan derivatif (dagangan), yang terdiri daripada dua transaksi: Membuka dagangan dan Menutup dagangan, dengan melakukan demikian Klien sama ada menerima Pendapatan atau kerugian jumlah Dagangan. Syarikat tidak memberikan Klien kebolehan untuk menanggung kewajipan yang melebihi jumlah Dagangan (Syarikat tidak menyediakan leveraj kepada Klien). Syarikat dan Klien membuat dagangan dengan opsyen Naik/Turun - suatu opsyen, sasaran adalah bersamaan harga aset atau harga lain yang ditentukan oleh Klien mengikut cadangan Syarikat apabila dagangan dibuat, bayaran yang dibuat jika harga bertukar ke arah Naik dipilih dan harga aset adalah lebih tinggi daripada sasaran apabila opsyen tamat tempoh atau, jika perubahan harga dalam arah Turun dipilih dan harga aset adalah kurang daripada sasaran apabila opsyen tamat tempoh.

24. Bonus – wang maya yang dipindahkan oleh Syarikat ke Akaun Klien jika Klien menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh Syarikat. Apabila Klien membuat dagangan, wang yang dipindahkan oleh Klien digunakan terlebih dahulu, dan hanya selepas ia digunakan sepenuhnya Klien berhak untuk menggunakan Bonus untuk dagangan selanjutnya. Sebagai peraturan umum, Klien tidak berhak memindahkan jumlah Bonus ke Akaun Eksternal Klien. Jika Klien memindahkan wang yang dipindah sebelumnya ke Akaun Klien ke Akaun Eksternal Klien, Syarikat boleh mendebit Bonus yang terakru sebelumnya dari Akaun Klien. Syarikat boleh mengenakan jumlah dagangan minimum dan syarat-syarat lain, dan jika Klien mematahinya, Bonus tidak akan didebitkan dari Akaun Klien dan boleh dikeluarkan ke Akaun Eksternal Klien. Syarikat boleh menyiarkan peraturan yang mentadbir pengkreditan, pengeluaran dan penggunaan Bonus, pertukaran Bonus kepada wang sebenar, peraturan yang mentadbir prestasi transaksi lain yang melibatkan Bonus dan dana Klien yang mentadbir cara Bonus dihadiahkan kepada Klien di laman web. Selain daripada Bonus, Syarikat boleh menawarkan transaksi bebas risiko kepada Klien dan menggunakan cara lain untuk menarik minat dan mengekalkan pelanggan; apabila Klien memasuki transaksi bebas risiko, dia sama ada menerima pendapatan (jika Klien meramal perubahan harga dengan betul dalam cara aset diperdagangkan) atau jumlah transaksi dipulangkan kepada Klien (jika Klien tidak meramal perubahan arah dengan betul dalam cara aset diperdagangkan).

25. Laman Web Syarikat – laman internet di alamat (nama domain) olympttrade.com, dan laman internet lain yang dirujuk oleh Syarikat dalam Perjanjian atau di Laman Web Syarikat.

26. Akaun Eksternal Klien – Akaun semasa Klien di institusi peminjaman, akaun (dompet) pada sistem pembayaran elektronik.

27. Tempoh Tamat Opsyen – masa apabila syarat bayaran pendapatan pada opsyen diperiksa.

28. Waktu Perdagangan – waktu apabila perdagangan aset boleh dilakukan.

29. Pengeluaran Dana – pindahan wang dari Akaun Klien ke Akaun Eksternal Klien.

210. Bayaran (Payout) – bayaran ganjaran tetap yang dikredit ke Akaun Klien jika terma syarat opsyen dipenuhi. Jumlah pendapatan ditentukan pada waktu dagangan dilaksanakan. Pendapatan dikreditkan ke akaun Klien dari dana (dana simpanan) Syarikat yang terjamin (pampasan, istimewa) yang dibentuk dengan cara yang ditentukan atas perbelanjaan Syarikat sendiri .

211. Pelaksanaan dagangan – transaksi dagangan yang mana syarat-syarat penting dagangan opsyen dipersetujui oleh Klien dan Syarikat. Selepas dilakukan, dagangan opsyen dibuka.

212. Penutupan dagangan – transaksi perdagangan yang mana dagangan opsyen terbuka dicairkan. Ia dilaksanakan jika syarat dagangan dipenuhi apabila opsyen tamat tempoh atau pada iniatif Klien. Penutupan dagangan awal - penutupan dagangan pada iniatif Klien sebelum ia ditutup pada tempoh tamat opsyen. Dagangan ditutup pada iniatif klien hanya jika ia boleh dilakukan dari segi teknikal untuk Syarikat melakukannya dan tindakan ini ialah suatu hak, tetapi bukan kewajipan Syarikat.

213. Keadaan Luar Biasa - keadaan pasaran yang tidak normal yang dinyatakan dalam Peraturan mengenai Transaksi Perdagangan.

214. Nisbah bayaran – peratusan yang menentukan amaun pendapatan yang ditetapkan oleh Syarikat bergantung pada aset opsyen dan syarat lain opsyen tersebut.

215. Sebut Harga Aset – harga satu unit Aset.

216. Entri Log – rekod dalam pangkalan data yang dibuat oleh Pelayan Syarikat, dengan ketepatan hingga satu saat, merekod semua permintaan Klien dan pesanan dan juga keputusan pemrosesannya. Setiap komunikasi Klien dengan terminal perdagangan dan Papan Pemuka direkod ke dalam Entri Log. Data pelayan ini adalah sumber utama maklumat dan diiktiraf oleh Pihak-pihak sebagai bukti jika timbul pertikaian berkenaan penunaian Perjanjian. Maklumat daripada Entri Log Pelayan Syarikat diutamakan ke atas semua percanggahan lain dalam kajian suatu pertikaian, secara khususnya ke atas maklumat daripada Fail Log terminal perdagangan Klien. Syarikat berhak untuk tidak mengekalkan Entri Log.

217. Arah Harga – syarat penting dagangan opsyen yang menentukan bayaran dagangan. Harga boleh berubah arah Naik atau Turun.

218. Transaksi Bukan Perdagangan – sebarang transaksi Klien untuk mendeposit dana ke Akaun Klien atau mengeluarkan dana dari Akaun Klien.

219. Transaksi – Transaksi perdagangan dan bukan perdagangan Klien.

220. Dagangan Terbuka – Dagangan opsyen selepas pelaksanaan dagangan dan sebelum penutupan dagangan, yang mana belum ditentukan sama ada bayaran akan dilakukan.

221. Ejen Pembayaran – pihak ketiga yang digunakan oleh Syarikat untuk memindah wang ke dan/atau dari Akaun Klien. Ejen Pembayaran Syarikat ialah WALLFORT LIMITED, yang berdaftar di alamat berikut: Kypranoros, 13, Evi Building, 2nd floor, office 201, 1061, Nicosia, Cyprus nombor pendaftaran HE 364695. Alamat pejabat dan persuratan ialah: 42E Arch. Makariou III Avenue,

Matina Building, 3rd Floor, Office 301 B, 1065 Nicosia, Cyprus. Syarikat bertanggungjawab untuk tindakan Ejen Pembayaran sebagaimana ia adalah tindakan Syarikat sendiri. Tuntutan/aduan/pernyataan boleh dihantar kepada Ejen Pembayaran di alamat yang dinyatakan dalam fasal menurut prosedur yang ditetapkan oleh Bahagian 5 dalam Perjanjian ini.

222. Suapan Harga – turutan harga yang dipaparkan pada Terminal Perdagangan.

223. Kawasan Hitam – keadaan dagangan opsyen terbuka jika pendapatan pada dagangan boleh dibayar pada dasar harga aset dagangan semasa.

224. Pembekal perkhidmatan pembayaran - syarikat yang menyediakan perkhidmatan pindahan dana.

225. Pembayaran berulang – transaksi yang berulang secara berkala untuk mengisi Baki akaun Klien tanpa memerlukan Klien untuk memasukkan semula maklumat kad kredit. Selepas Klien mengisi semula Baki akaunnya buat kali pertama, Klien diberikan pilihan untuk mengelak daripada perlu memasukkan semula maklumat kad kredit sekali lagi pada masa hadapan. Klien hanya perlu mengesahkan setiap operasi pengisian semula Baki akaunnya.

226. Dagangan – perjanjian antara Klien dan Syarikat yang mana Klien membayar Amaun Dagangan dan Syarikat bersetuju untuk membayar pendapatan tetap jika syarat opsyen yang dipilih oleh Client dipenuhi.

227. Pelayan Syarikat – perisian Syarikat yang digunakan untuk memproses dan menyimpan maklumat tentang permintaan klien untuk transaksi perdagangan dan bukan perdagangan, untuk memberikan Klien maklumat masa sebenar tentang perdagangan di pasaran kewangan, untuk menerangkan transaksi perdagangan dan bukan perdagangan, untuk mengawasi penunaian syarat dagangan dan menghadkan transaksi perdagangan, dan untuk menentukan keputusan kewangan dagangan.

228. Kaedah Pengeluaran – salah satu daripada kaedah Pengeluaran yang ditawarkan kepada Klien yang disiarkan pada terminal perdagangan dan di Papan Pemuka.

229. Amaun Dagangan – amaun yang dibayar oleh Klien kepada Syarikat apabila dagangan dilaksanakan. Pendapatan Klien daripada dagangan opsyen, jika syarat dipenuhi, adalah bersekadar dengan amaun dagangan .

230. Akaun Syarikat – akaun penyelesaian Syarikat di institusi kewangan, suatu akaun (dompet) dalam sistem pembayaran elektronik dan akaun lain, termasuk akaun Ejen Pembayaran.

231. Syarat-syarat Penting transaksi perdagangan (syarat-syarat penting dagangan) – syarat-syarat yang mentadbir bayaran pendapatan daripada dagangan kepada Klien oleh Syarikat.

232. Akaun Klien (Akaun Perdagangan) – akaun istimewa dalam sistem perakaunan Syarikat di mana dana dipindahkan oleh Klien untuk membuat dagangan opsyen disiarkan, dari mana amaun dagangan didebitkan apabila dagangan dibuat, dan ke mana pendapatan dikredit apabila dagangan ditutup. Klien boleh mempunyai hanya satu akaun klien. Jika peraturan ini dilanggar, Syarikat boleh enggan menyediakan perkhidmatan selanjutnya kepada Klien, untuk

menamatkan Perjanjian ini dan untuk melumpuhkan pelaksanaan transaksi selanjutnya tanpa memberi sebab dan tanpa membayar dana dari akaun Klien.

233. Transaksi perdagangan – prosedur untuk pelaksanaan dan penutupan dagangan opsyen antara Syarikat dan Klien. Transaksi perdagangan dilaksanakan di mana Syarikat berdaftar. Tiada penghantaran fizikal aset semasa transaksi perdagangan. Amaun dagangan pada transaksi perdagangan didebitkan dari baki akaun Klien sejeurus selepas dagangan dibuka. Pendapatan yang diperolehi pada transaksi perdagangan dikreditkan ke akaun Klien sejeurus selepas dagangan ditutup.

234. Terminal Perdagangan – perisian yang mana Klien mendapatkan maklumat masa sebenar tentang bidaan ke atas pasaran kewangan, untuk melaksanakan transaksi perdagangan dan bukan perdagangan dan menerima mesej daripada Syarikat. Log masuk ke terminal perdagangan dilindungi kata laluan yang ditetapkan oleh Klien sendiri selepas pendaftaran di Laman Web Syarikat. Semua pesanan yang dilaksanakan melalui terminal perdagangan dianggap dilakukan secara persendirian oleh Klien. Terminal perdagangan tidak boleh digunakan oleh Klien dari negara yang mana undang-undang melarang perdagangan opsyen dan instrumen kewangan derivatif luar pasaran yang lain atau oleh pekerja Syarikat, ahli gabungan dan ejen serta ahli keluarga mereka. Bahagian terminal perdagangan yang boleh digunakan oleh Klien untuk transaksi bukan perdagangan di bawah perjanjian ini dipanggil Papan Pemuka.

235. Kawasan Merah - keadaan dagangan terbuka jika, pada harga aset semasa, pendapatan tidak boleh dibayar untuk dagangan tersebut

236. Perkhidmatan 1-Klik - membolehkan pengisian semula baki akaun Klien dari kad bank Klien (bayaran) tanpa memasukkan data kad bank (bayaran) pemegang kad bank sekali lagi.

237. Aras Sasaran - Aras harga aset, pencapaian atau sebaliknya memenuhi syarat bayaran pada dagangan.

238. Fail Kuki (Cookie) - set data kecil yang termasuk pengecam unik awanama yang dihantar ke pelayar web komputer atau telefon bimbit Klien (selepas ini dirujuk sebagai "peranti") daripada pelayan Syarikat (laman web) dan disimpan dalam cakera keras komputer Klien. Klien boleh mengkonfigurasi pelayar web untuk menyekat akses kuki ke komputer. Apabila Klien mengunjungi Laman Web Syarikat, laman yang dilihat dan fail kuki dimuat turun ke cakera keras peranti Klien. Fail kuki yang disimpan pada cakera keras boleh digunakan untuk pengenalpastian awanama jika Klien mengunjungi semula laman web Syarikat dan menentukan halaman laman web yang paling popular di kalangan Klien kami. Namun begitu, untuk kerahsiaan dan keselamatan, Syarikat tidak menyimpan data peribadi Klien (termasuk nama, maklumat peribadi, alamat e-mel, dll.) Fail kuki yang disimpan dalam cakera keras peranti Klien membolehkan syarikat untuk mencipta laman web mesra pengguna dan berkesan untuk Klien Syarikat, menyediakan peluang kepada kami untuk mengenalpasti pilihan Klien.

### **3. Komunikasi dan Peruntukan Maklumat**

31. Untuk berkomunikasi dengan Klien, Syarikat boleh menggunakan:

- e-mel;
- faks;
- telefon;
- SMS;
- surat melalui pos;
- pelbagai jenis mesej yang dihantar kepada Klien di terminal perdagangan, di Papan Pemuka, tettingkap pelayar, dsb. (notifikasi tolak, peringatan, mesej perkhidmatan, dll.) (notis tolak, peringatan, mesej perkhidmatan dll.);
- pengumuman di laman web Syarikat.

32. Berkomunikasi pada kadar segera dengan Klien untuk menyelesaikan masalah berkenaan transaksi Klien, Syarikat akan menggunakan maklumat hubungan Klien yang dimasukkan semasa Klien berdaftar atau mengubah suai akaun menurut fasal 4.4 Perjanjian. Klien bersetuju untuk menerima mesej dari Syarikat pada bila-bila masa.

33. Sebarang surat-menyurat (dokumen, notis, pengesahan, pengumuman, laporan, dsb.) dianggap diterima oleh Klien:

- 1) satu (1) jam selepas dihantar ke alamat e-mel(e-mel);
- 2) sejurus selepas difaks;
- 3) sejurus selepas panggilan telefon berakhir;
- 4) sejurus selepas mesej SMS dihantar;
- 5) tujuh (7) hari kalendar selepas diposkan atau dihantar;
- 6) sejurus selepas pengumuman disiarkan di laman web Syarikat.

34. Klien juga boleh menghubungi Syarikat melalui e-mel di [help@olymptrade.com](mailto:help@olymptrade.com), dan lain-lain alamat e-mel dan nombor telefon yang disenaraikan dalam Perjanjian ini dan di laman web Syarikat.

35. Klien memahami dan bersetuju bahawa, jika tingkah laku Klien semasa perbualan dengan pekerja Syarikat adalah tidak sesuai, Syarikat berhak untuk menamatkan Perjanjian ini secara satu pihak.

36. Syarikat boleh menggunakan maklumat hubungan yang diberikan oleh Klien untuk menghantar bahan maklumat, pemasaran dan pengiklanan, dan mesej perkhidmatan dan untuk menyelesaikan tugas-tugas lain. Syarikat akan menentukan kekerapan penghantaran mesej kepada Klien mengikut budi bicara tunggalnya. Jika Klien tidak ingin menerima mesej maklumat (dan mesej lain) daripada Syarikat, mereka mesti berhenti melanggan dengan mengklik pautan Henti Langgan (jika format mesej membolehkan ciri ini) atau dengan menghubungi jabatan sokongan klien.

#### **4. Cara untuk menggunakan perkhidmatan syarikat.**

4.1. Semasa pendaftaran Klien berjanji untuk memberikan maklumat pengenalan yang betul dan boleh dipercayai menurut keperluan borang pendaftaran Klien.

4.2. Selepas berjaya mendaftar, Klien diberikan akses ke terminal perdagangan, kebolehan untuk memindah dana ke Akaun Klien (membuat deposit dalam Akaun Klien bagi membolehkan perdagangan opsyen) dan untuk melaksanakan operasi lain.



4.3. Klien mesti memaklumkan Syarikat dengan serta-merta tentang sebarang perubahan kepada maklumat pengenalan dan hubungan (dalam masa tujuh (7) hari selepas perubahan sedemikian) dengan melakukan perubahan yang sewajarnya pada terminal perdagangan atau melalui cara lain yang dicadangkan oleh Syarikat. Untuk mengenal pasti Klien, Syarikat berhak untuk meminta sebarang dokumen pengenalan Klien (termasuk dokumen identiti Klien dan bukti tempat tinggal; dokumen yang menyatakan kedudukan kewangan Klien, dan sebarang dokumen lain mengikut budi bicara Syarikat). Syarikat berhak untuk menggantung transaksi perdagangan dan/atau bukan perdagangan dalam Akaun Klien jika ia mendapati bahawa maklumat pengenalan Klien adalah tidak betul atau meragukan atau jika Klien gagal memberikan dokumen yang diminta. Syarikat berhak untuk menyekat akses Klien ke terminal perdagangan sehingga penyempurnaan prosedur pengenalan Klien. Syarikat juga boleh menghendaki bahawa Klien dikenal pasti melalui kunjungan ke ejen Syarikat yang diberi kuasa untuk memberikan dokumen yang ditetapkan oleh Syarikat mengikut budi bicaranya.

4.4. Proses log masuk ke terminal perdagangan dilindungi kata laluan.

4.4.1. Klien mengesahkan dan bersetuju bahawa akses ke terminal perdagangan akan dilindungi dengan kata laluan yang akan ditetapkan secara persendirian oleh Klien semasa pendaftaran. Klien tidak boleh memindahkan kata laluan ke terminal perdagangan kepada pihak ketiga.

4.4.2. Klien bertanggungjawab sepenuhnya untuk perlindungan kata laluan dan pencegahan akses pihak ketiga yang tidak dibenarkan.

4.4.3. Semua pesanan menerusi terminal perdagangan dengan kata laluan Klien dianggap sebagai dilaksanakan oleh Klien kecuali Syarikat mendapati sebaliknya.

4.4.4. Sebarang individu yang mendapatkan akses ke terminal perdagangan dengan memasukkan kata laluan Klien akan dikenal pasti sebagai Klien kecuali jika dinyatakan sebaliknya oleh Syarikat.

4.4.5. Syarikat menanggung sebarang liabiliti untuk apa-apa kerugian yang mungkin dialami oleh Klien sekiranya berlaku kecurian, kerugian, atau pendedahan kata laluan kepada pihak ketiga atau sekiranya berlaku penggunaan data pendaftaran yang tidak dibenarkan oleh pihak ketiga.

4.5. Klien boleh menukar kata laluan kepada terminal perdagangan atau menggunakan prosedur untuk pemulihan kata laluan yang ditetapkan oleh Syarikat.

## **5. Tuntutan dan Penyelesaian Pertikaian**

5.1. Pihak-pihak telah bersetuju bahawa mereka akan berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan semua pertikaian antara Syarikat dan Klien berhubung dengan transaksi, pembayaran dan lain-lain tindakan yang dinyatakan di bawah ini dengan cara perundingan.

5.2. Sekiranya pertikaian berlaku, Klien boleh menghantar tuntutan/aduan kepada Syarikat dan menghantar kenyataan atau notis kepada Syarikat. Semua tuntutan/aduan/kenyataan/notis berkenaan transaksi yang dilaksanakan oleh Klien mesti dihantar menurut syarat-syarat berikut:

5.2.1. tuntutan/aduan/kenyataan/notis mesti dihantar secara bertulis;

5.2.2. tuntutan/aduan/kenyataan/notis mesti mengandungi maklumat berikut: Nama akhir, nama pertama, nama tengah (jika ada), e-mel Klien, Nombor Akaun Klien, tarikh dan waktu pertikaian, penerangan ringkas pertikaian, permintaan Klien; amaun yang dituntut dan perkiraan yang berasas (jika tuntutan boleh dinilai dalam bentuk wang); keadaan iaitu dasar tuntutan dan bukti yang menyokong keadaan tersebut, termasuk rujukan kepada fasal Perjanjian ini (lampiran bersama ini) yang telah dilanggar menurut pendapat Klien; senarai dokumen dan bukti lain yang terikat dengan tuntutan (aduan) yang ditentukan oleh Klien; maklumat lain yang diperlukan untuk menyelesaikan pertikaian;

5.2.3. tuntutan/aduan/kenyataan/notis mesti dihantar oleh Klien dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas kejadian yang menjadi dasar untuk penyerahan tuntutan (aduan) yang berkenaan. Klien bersetuju bahawa penangguhan dalam penyerahan tuntutan (aduan) menjadi dasar keengganan untuk mempertimbangkannya;

5.2.4. tuntutan/aduan/kenyataan/notis boleh dihantar melalui e-mel ke [claim@olymptrade.com](mailto:claim@olymptrade.com), melalui pos berdaftar atau bersijil, atau melalui cara komunikasi lain yang menyediakan rekod bahawa ia telah dihantar (termasuk faks) atau boleh diserahkan dengan akuan penerimaan yang ditandatangani oleh penerima. Tuntutan/aduan/kenyataan/notis yang dibuat dan dihantar dalam cara lain tidak akan dipertimbangkan.

5.3 Tuntutan/aduan/kenyataan/notis tidak boleh mengandungi:

- a) penilaian pertikaian berasaskan emosi;
- b) kenyataan kesat kepada Syarikat;
- c) kata-kata cabul.

5.4. Untuk menjawab tuntutan/aduan/kenyataan/notis, Syarikat boleh meminta dokumen dan maklumat tambahan daripada Klien. Tuntutan/aduan/kenyataan/notis akan disemak berdasarkan data yang diberikan oleh Klien dan entri log daripada pelayan Syarikat. Entri log dari daripada Pelayan Syarikat sentiasa mengatasi bukti-bukti lain. Syarikat tidak bertanggungjawab untuk dagangan yang tidak lengkap dan tidak akan membayar ganti rugi untuk sebarang kerugian kewangan atau kemudaratan moral yang dialami oleh Klien berkenaan perkara yang dianggap oleh Klien sebagai kehilangan keuntungan. Semasa mempertimbangkan pertikaian, Syarikat tidak akan mengambil kira rujukan Klien kepada maklumat daripada syarikat dan laman web lain.

5.5. Syarikat boleh menolak tuntutan/aduan/kenyataan/notis jika terma-terma bahagian ini telah dilanggari.

5.6. Syarikat akan menyemak tuntutan/aduan/kenyataan/notis dalam tempoh 5 hari bekerja selepas penyerahan.

5.7. Jika tuntutan/aduan/kenyataan/notis Klien belum diselesaikan oleh Syarikat mengikut prosedur penyelesaian pertikaian yang dinyatakan di atas, Klien boleh menghantar tuntutan kepada Suruhanjaya Kewangan ([www.financialcommission.org](http://www.financialcommission.org)).

5.8. Selain daripada peruntukan yang ditetapkan dalam fasal 5.5.-5.7. berkenaan prosedur penyelesaian pertikaian, Klien boleh memfailkan tuntutan kepada mahkamah, dengan syarat bahawa Klien terlebih dahulu menyerahkan tuntutan

kepada Syarikat menurut prosedur penyelesaian pertikaian ini. Prosedur tuntutan untuk penyelesaian pertikaian dianggap dipatuhi jika: a) borang dan kandungan tuntutan memenuhi syarat-syarat fasal 5.2.1, 5.2.2 dan 5.2.3; b) tuntutan dihantar kepada alamat berdaftar Syarikat; c) Klien mempunyai pengiktirafan penerima tuntutan tersebut oleh Syarikat; d) tarikh akhir untuk jawapan kepada tuntutan telah tamat. Tempoh respons tuntutan – enam puluh (60) hari kalendar selepas diterima oleh Syarikat.

5.9. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian, Syarikat berhak untuk menyekat sepenuhnya atau sebahagian transaksi Akaun Klien sehingga pertikaian diselesaikan atau sehingga Pihak-pihak mencapai persetujuan interim.

## **6. Undang-undang Yang Diguna Pakai**

6.1. Perjanjian ini dibuat di negara Saint Vincent dan Grenadines (selepas ini dirujuk sebagai negara pendaftaran Syarikat) dan ditadbir oleh undang-undang negara pendaftaran Syarikat. Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini disediakan di negara pendaftaran Syarikat.

6.2. Klien secara nyata:

- a) bersetuju bahawa mahkamah negara pendaftaran Syarikat mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk melaksanakan sebarang prosiding undang-undang berhubung dengan Perjanjian ini;
- b) berserah kepada bidang kuasa mahkamah negara pendaftaran Syarikat;
- c) mengetepikan sebarang rayuan berkenaan prosiding di mana-mana mahkamah sedemikian;
- d) bersetuju supaya tidak membuat tuntutan berkenaan forum non conveniens dan tidak mengisytiharkan bahawa kerajaan forum tidak mempunyai bidang kuasa sah ke atas Klien.

## **7. Force Majeure**

7.1. Sekiranya terdapat dasar yang munasabah, Syarikat berhak untuk mendakwa berlakunya kejadian force majeure. Syarikat mesti mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memaklumkan Klien tentang kejadian force majeure.

Kejadian force majeure termasuk (tetapi tidak terhad kepada):

- a) sebarang tindakan, kejadian atau fenomena (termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang mogok, rusuhan massa atau ketidaktenteraman sivil, serangan pengganas, peperangan, bencana alam, kemalangan, kebakaran, banjir, ribut, gangguan bekalan elektrik, kegagalan komunikasi, perisian atau peralatan elektronik, ketidakstabilan suapan sebut harga, apa-apa gangguan atau kegagalan perkhidmatan pembekal kecairan, dsb.) yang, mengikut pendapat munasabah Syarikat, mengakibatkan ketidakstabilan pasaran untuk satu atau lebih aset (instrumen);
- b) penggantungan, kecairan atau penutupan pasaran atau ketiadaan apa-apa kejadian yang menjadi dasar sebut harga Syarikat, atau pengenaan had atau istimewa atau syarat dagangan bukan standard dalam mana-mana pasaran atau berkenaan kepada mana-mana kejadian sedemikian.

7.2. Sekiranya Syarikat menentukan kejadian force majeure, Syarikat boleh (tanpa prejudis kepada lain-lain hak Syarikat) mengambil tindakan berikut tanpa notis

bertulis terlebih dahulu dan pada bila-bila masa:

- a) membatalkan mana-mana atau semua dagangan terbuka Klien;
- b) menggantung atau mengubah pelaksanaan satu atau semua peruntukan Perjanjian yang mana kejadian force majeure menjadikannya mustahil untuk Syarikat memenuhi peruntukan sedemikian;
- c) melaksanakan atau sebaliknya, tidak melaksanakan sebarang tindakan berhubung dengan Syarikat, Klien dan klien lain jika Syarikat mendapati ianya munasabah dalam keadaan sedemikian atas sebab yang mencukupi.

7.3 Syarikat tidak menanggung liabiliti untuk pelanggaran (pelepasan tidak wajar) kewajipan jika kejadian force majeure mengganggu pelepasan tersebut.

## **8. Liabiliti Pihak Terlibat**

8.1. Liabiliti Pihak-pihak yang dinyatakan di sini adalah ditentukan oleh terma-terma Perjanjian dan lampirannya.

e) kerosakan kepada Syarikat sebagai akibat daripada pemerolehan pendapatan daripada penggunaan ciri-ciri teknikal kemas kini suapan harga di terminal perdagangan dan pemerolehan pendapatan daripada penggunaan ralat dan kelemahan perisian dalam termingal perdagangan;

8.2 Syarikat menanggung liabiliti hanya untuk kerosakan sebenar yang dialami oleh Klien akibat daripada pelanggaran kewajipan Syarikat di bawah ini secara sengaja. Syarikat bertanggungjawab untuk tindakan pekerjanya, jabatan, dan ejen pembayaran sebagai tindakannya sendiri.

8.3. Klien menanggung liabiliti kepada Syarikat untuk kerosakan yang dialami oleh Syarikat menerusi kesalahan Pelanggan, termasuk: a) untuk kerosakan yang disebabkan akibat daripada kegagalan Klien untuk memberikan (atau mengganggu pemberian) apa-apa dokumen yang mesti diberikan kepada Syarikat menurut Perjanjian ini dan halaman bersama-sama ini dan untuk kerosakan yang dialami oleh Syarikat akibat daripada apa-apa pemalsuan maklumat yang terkandung dalam dokumen-dokumen yang diberikan oleh Klien,

b) untuk kerosakan yang dialami oleh Syarikat oleh salah guna perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat kepada Klien, secara khususnya untuk kerosakan (kerugian) yang dialami oleh Syarikat melalui penggunaan algoritma perdagangan robotik dan automatik dan/atau perisian istimewa, peranti, kaedah, dan teknik yang melanggar dan menyumbang kepada pelanggaran prinsip-prinsip niat baik dan keadilan semasa melakukan transaksi,

c) untuk kerosakan yang disebabkan oleh Klien sebagai akibat daripada tindakan bersama lain-lain klien Syarikat dan/atau orang yang bersekutu dengan Klien dengan tujuan menyebabkan kerugian kepada Syarikat, dan untuk kerosakan lain yang dialami Syarikat oleh Klien melalui penggunaan kaedah lain yang tidak adil dan tidak jujur dan cara membuat dagangan (transaksi) dengan Syarikat, termasuk penggunaan Bonus. Tanpa menghiraukan situasi, orang yang bersekutu dengan Klien ditakrifkan sebagai orang iaitu saudara pada apa-apa peringkat kekeluargaan kepada Klien; ahli keluarga, pasangan atau orang yang berhubungan melalui apa-

apa jenis hubungan dengan Klien; orang yang bertempat duduk yang sama dengan Klien; orang yang menggunakan peranti yang sama seperti Klien; orang yang direkrut sebagai Klien Syarikat oleh ahli gabungan Syarikat atau Klien; dan juga orang yang terlibat dalam kegiatan bersama sama ada di bawah samaran entiti sah atau tidak. Syarikat berhak untuk mengembangkan senarai situasi dan kriteria yang mana Klien dan pihak ketiga boleh dikenali sebagai bersekutu,

d) jika terdapat alasan yang mencukupi untuk menganggap bahawa Klien membuat percubaan untuk menggunakan secara haram perisian yang dibekalkan oleh Syarikat dan wang yang dipindahkan ke Akaun Syarikat,

f) untuk kerosakan yang dialami oleh Syarikat disebabkan oleh penggunaan maklumat orang dalam, sulit dan lain-lain jenis maklumat lain oleh Klien yang memberikan Klien sebarang jenis kelebihan dalam pelaksanaan dagangan dengan Syarikat.

Syarikat berhak untuk mendebit kerugian ini daripada Akaun Klien dan/atau akaun-akaun orang lain (dengan syarat bahawa peralatan teknikal dan peralatan lain yang dipegang oleh Syarikat telah menentukan bahawa akaun sedemikian sebenarnya milik Klien (atau rakan subahat Klien)). Syarikat boleh menyekat transaksi lanjut Klien di terminal perdagangan dan Papan Pemuka berhubung dengan transaksi yang mana Syarikat mempunyai alasan dan syak wasangka yang mencukupi untuk melakukannya (secara khususnya tindakan yang dilaksanakan bersama klien lain) sebagai bertujuan untuk menyebabkan kerosakan kepada Syarikat; untuk mendebit wang daripada akaun Klien bagi manfaat Syarikat.

8.4. Jika Klien melanggar Perjanjian ini, Syarikat boleh, menurut pilihannya:

8.4.1. Menyemak semula amaun kewajipan kewangan Syarikat kepada Klien dan membuat perubahan kepada data (baki) Akaun Klien.

8.4.2. Menggantung perkhidmatan kepada Klien, menyekat akses ke terminal perdagangan.

Sekiranya Syarikat menyekat akses Klien ke terminal perdagangan, Klien mesti mengambil semua langkah yang perlu dan munasabah untuk mengatasi sebab-sebab mengapa akses ke terminal perdagangan telah disekat. Jika Klien tidak mengambil langkah-langkah atau tindakan untuk menangani sebab-sebab mengapa akses disekat dalam tempoh 30 (tiga puluh) hari, Syarikat boleh mengeluarkan semua dana dari akaun perdagangan. Syarikat mesti mendeposit semula semua dana yang telah dikeluarkan ke dalam akaun perdagangan Klien jika Klien memenuhi semua syarat-syarat yang diperlukan untuk memansuhkan larangan ke atas akaun perdagangan.

8.5. Jika Klien melanggar pernyataan dan jaminan yang dinyatakan dalam fasal 1.4., 1.4.1 – 1.4.9. Perjanjian, Syarikat boleh membatalkan kontrak, menganggap sebarang dagangan Klien sebagai tidak sah, menutup satu atau semua daripada akaun Klien pada suatu masa mengikut budi bicara tunggalnya, berhenti menyediakan perkhidmatan kepada Klien, dan memulangkan semua dana yang didepositkan oleh Klien atau sebaliknya mengikut budi bicaranya.

8.6. Syarikat tidak menanggung liabiliti terhadap Klien untuk sebarang kerosakan, kerugian, kehilangan keuntungan, kehilangan peluang (disebabkan oleh kemungkinan perubahan pasaran), perbelanjaan atau kerosakan yang dialami oleh Klien disebabkan oleh pelaksanaan dagangan menurut terma-terma yang disebutkan di sini.

8.7. Syarikat tidak menanggung liabiliti sekiranya berlaku percanggahan antara maklumat yang dinyatakan di terminal perdagangan Klien dan maklumat di Pelayan Syarikat apabila keputusan kewangan dagangan Klien ditentukan. Untuk menghapuskan percanggahan sedemikian, Syarikat akan melaraskan data pada terminal perdagangan menurut maklumat yang tersedia pada Pelayan Syarikat.

8.8. Syarikat tidak menanggung liabiliti untuk ganti rugi Klien jika ganti rugi tersebut diakibatkan oleh serangan penggadam, kejadian tidak sengaja (kegagalan) rangkaian komputer, rangkaian komunikasi, talian kuasa atau sistem komunikasi, dll., digunakan secara langsung untuk bersetuju dengan syarat-syarat penting transaksi Klien atau memastikan lain-lain prosedur operasi Syarikat yang berlaku tanpa kesalahan Syarikat.

8.9. Syarikat tidak menanggung liabiliti untuk kegagalan dan/atau gangguan teknikal dalam operasi terminal perdagangan yang berlaku disebabkan oleh serangan penggadam, kejadian yang tidak sengaja (kegagalan) rangkaian komputer, rangkaian komunikasi, talian kuasa atau sistem komunikasi, dll., untuk kerugian Klien yang disebabkan oleh kegagalan dan/atau gangguan sedemikian.

8.10. Syarikat tidak menanggung liabiliti untuk keputusan dagangan yang diputuskan oleh Klien berdasarkan bahan-bahan analisis yang disediakan oleh Syarikat dan/atau pihak ketiga. Klien telah dimaklumkan bahawa transaksi yang dilaksanakan menurut ini menanggung risiko untuk tidak menerima pendapatan yang dijangka dan risiko kerugian beberapa atau semua wang yang dideposit olehnya ke dalam Akaun Klien. Klien mengakui bahawa kecuai terdapat penipuan, pelanggaran kewajipan secara sengaja atau kecuai yang melampau oleh pihak Syarikat, Syarikat tidak bertanggungjawab untuk sebarang kerugian, perbelanjaan, kos dan ganti rugi Klien yang akibat daripada ketidaktepatan maklumat yang disediakan kepada Klien, termasuk, tetapi tidak terhad kepada maklumat tentang transaksi perdagangan Klien. Syarikat berhak untuk membatalkan atau menutup sebarang dagangan Klien di bawah syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perjanjian ini; walaupun begitu, semua transaksi yang dilakukan oleh Klien akibat daripada maklumat yang tidak tepat ini atau ralat akan kekal berkuat kuasa dan mesti dipenuhi oleh kedua-dua Klien dan Syarikat.

8.11. Syarikat tidak menanggung liabiliti untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Klien sekiranya berlaku kecurian, kehilangan atau pendedahan kata laluan Klien ke terminal perdagangan kepada pihak ketiga. Klien bertanggungjawab sepenuhnya untuk melindungi kata laluan dan melindunginya daripada capaian pihak ketiga yang tidak dibenarkan.

8.12. Syarikat tidak menanggung liabiliti untuk pelanggaran (pelepasan yang tidak wajar) kewajipan yang dinyatakan di sini jika disebabkan oleh kejadian force majeure.

8.13. Syarikat tidak menanggung liabiliti untuk apa-apa ganti rugi secara tidak langsung, istimewa, arbitrari atau punitif yang dialami oleh Klient, termasuk, tetapi tidak terhad kepada kehilangan keuntungan, kehilangan penjimatan yang dijangka atau kehilangan pendapatan, walaupun Klien telah dimaklumkan oleh Syarikat tentang kemungkinan ganti rugi sedemikian. Penderitaan emosi tidak akan dibayar ganti rugi.

## **9. Tempoh dan Penamatan Perjanjian**

9.1. Perjanjian ini berkuat kuasa semasa pengikatannya (pendaftaran klien di laman web atau terminal perdagangan Syarikat) dan adalah sah untuk selamanya.

9.2. Salah satu Pihak boleh menamatkan Perjanjian ini secara satu pihak:

9.2.1. Perjanjian akan dianggap sebagai tamat mengikut inisiatif Syarikat pada tarikh yang dinyatakan dalam pemberitahuan yang dihantar oleh Syarikat kepada Klien;

9.2.2. Perjanjian dianggap sebagai tamat mengikut inisiatif Klien lima (5) hari bekerja selepas Syarikat menerima pemberitahuan bertulis Klien yang mengandungi pernyataan penamatan Perjanjian, dengan syarat bahawa Klien tidak mempunyai kewajipan yang belum diselesaikan yang dinyatakan di sini. Klien mesti menghantar Pemberitahuan Penamatan kepada alamat Syarikat yang diberikan dalam fasal 1.1. Perjanjian ini, atau kepada alamat e-mel [help@olymptrade.com](mailto:help@olymptrade.com).

9.3. Perjanjian ini dianggap sebagai tamat berhubung dengan Pihak-pihak apabila kewajipan bersama Klien dan Syarikat berkenaan transaksi yang dilakukan sebelumnya telah ditunaikan dan segala hutang setiap Pihak telah dilangsaikan.

9.1. Perjanjian ini berkuat kuasa semasa pengikatannya (pendaftaran klien di laman web atau terminal perdagangan Syarikat) dan adalah sah untuk selamanya.

9.2. Salah satu Pihak boleh menamatkan Perjanjian ini secara satu pihak:

9.2.1. Perjanjian akan dianggap sebagai tamat mengikut inisiatif Syarikat pada tarikh yang dinyatakan dalam pemberitahuan yang dihantar oleh Syarikat kepada Klien;

9.2.2. Perjanjian dianggap sebagai tamat mengikut inisiatif Klien lima (5) hari bekerja selepas Syarikat menerima pemberitahuan bertulis Klien yang mengandungi pernyataan penamatan Perjanjian, dengan syarat bahawa Klien tidak mempunyai kewajipan yang belum diselesaikan yang dinyatakan di sini. Klien mesti menghantar Pemberitahuan Penamatan kepada alamat Syarikat yang dinyatakan dalam fasal 1.1. Fasal Perjanjian ini, atau kepada alamat e-mel [help@olymptrade.com](mailto:help@olymptrade.com).

9.3. Perjanjian ini dianggap sebagai tamat berhubung dengan Pihak-pihak apabila kewajipan bersama Klien dan Syarikat berkenaan transaksi yang dilakukan sebelumnya telah ditunaikan dan segala hutang setiap Pihak telah dilangsaikan.

9.1.

## **10. Peruntukan Akhir**

10.1. Pindaan dan tambahan pada Perjanjian ini dan lampirannya bersama-sama ini akan dilakukan oleh Syarikat secara satu pihak. Semua pindaan dan tambahan yang dibuat oleh Syarikat yang tidak berkenaan dengan keadaan yang dinyatakan dalam Perjanjian ini berkuat kuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Syarikat.

10.2. Pindaan dan tambahan yang dilakukan oleh Syarikat ke atas Perjanjian ini dan lampirannya disebabkan oleh pindaan undang-undang dan peraturan yang mentadbir subjek yang dinyatakan di sini dan pada peraturan serta kontrak sistem perdagangan yang digunakan oleh Syarikat untuk menjalankan kewajipannya di bawah ini berkuat kuasa secara serentak dengan pindaan dalam dokumen yang tersebut di atas.

10.3. Apabila pindaan dan tambahan yang dibuat oleh Syarikat berkuat kuasa, ia akan dikenakan secara sama rata terhadap semua Klien, termasuk mereka yang mengikat Perjanjian sebelum tarikh kuat kuasanya.

10.4. Bagi memastikan Klien yang memasuki Perjanjian menyedari pindaan dan tambahan sebelum ia berkuat kuasa, Klien mesti mengunjungi Laman Web Syarikat atau platform perdagangan secara persendirian atau melalui pihak yang dibenarkan sekurang-kurangnya seminggu sekali untuk mengetahui maklumat tentang mana-mana pindaan dan/atau tambahan.

10.5. Klien (individu) yang memberikan data peribadinya kepada Syarikat dalam apa jua bentuk dan cara (apabila melaksanakan tindakan di laman web Syarikat, melalui rakan sejawat Syarikat, dll.) dengan itu memberikan kepada Syarikat dan rakan niaganya kebenaran untuk pemprosesan automatik dan bukan automatik ke atas data peribadi mereka bagi tujuan memenuhi Perjanjian ini, pelaksanaan kempen pengiklanan, peruntukan kepada mereka untuk pengiklanan, bahan maklumat dan pemasaran, maklumat tentang kempen dan acara yang dianjurkan oleh Syarikat, dan untuk tujuan-tujuan lain yang ditentukan oleh Syarikat, iaitu: untuk mengumpul, merekod, mensistemkan, menghimpunkan, menyimpan, melaras (kemas kini, pindaan), mengekstrak, memindah (sebar, memberi akses), nyahperibadikan, menyekat, memadam, memusnahkan dan memindah merentas sempadan data peribadi. Kebenaran diberikan untuk tempoh 75 tahun (atau hingga tamat tarikh tempoh pengekalan untuk maklumat berkenaan atau dokumen yang mengandungi maklumat tersebut sepertimana ditakrifkan menurut undang-undang semasa lokasi Syarikat). Persetujuan boleh ditarik balik menurut undang-undang dengan menghantar kenyataan ke lokasi Syarikat. Maklumat hubungan disiarkan di laman web Syarikat. Syarikat menjamin kesulitan data peribadi yang diberikan oleh Klien, kecuali keadaan yang ditetapkan oleh undang-undang yang berkenaan dan force majeure.

10.6. Klien mesti menggunakan maklumat yang telah dikomunikasi kepada Klien sama ada secara lisan atau bertulis yang disiarkan oleh Syarikat atau pihak ketiga, yang mana capaian diberikan kepada mereka sebagai sebahagian daripada perkhidmatan yang dinyatakan bawah ini hanya untuk transaksi di bawah Perjanjian ini. Klien tidak boleh menyebarkan, meminda atau menambah maklumat yang tersebut di atas, atau menyimpan dalam arkib yang berasingan. Dalam apa-apa keadaan, skop kuasa yang diberikan kepada Klien berkenaan dengan maklumat yang disiarkan oleh pihak ketiga tidak boleh melebihi skop kuasa yang



diperoleh oleh Syarikat daripada pihak ketiga. Syarikat tidak memberi jaminan bahawa maklumat yang disiarkan oleh pihak ketiga adalah boleh dipercayai, tepat, mahupun relevan dan akan disediakan secara berterusan tanpa gangguan.

Syarikat juga tidak bertanggungjawab untuk hasil transaksi (kerugian, kehilangan keuntungan, kehilangan pendapatan, pencemaran nama baik, dll.) yang mana Klien membuat keputusan untuk melaksanakan pada dasar maklumat yang telah dikomunikasi kepada Klien sama ada secara lisan atau bertulis oleh Syarikat atau oleh pihak ketiga.

10.7. Syarikat boleh memindahkan secara sepenuhnya atau sebahagiannya hak dan kewajiban di bawah Perjanjian ini dan lampiran bersama-sama ini kepada sebuah pihak ketiga jika pihak tersebut berjanji untuk memenuhi terma-terma yang terkandung di sini. Pemindahan hak dan kewajiban ini tidak memerlukan pemberitahuan terlebih dahulu kepada Klien oleh Syarikat dan hendaklah dilakukan pada masa maklumat yang mencukupi disiarkan pada laman web Syarikat.

10.8. Klien tidak berhak untuk memindah haknya sendiri, mengenakan kewajibannya sendiri atau memindah hak atau kewajiban yang dinyatakan di sini dengan apa-apa cara lain tanpa kebenaran bertulis oleh Syarikat. Jika syarat ini dilanggar, sebarang pemindahan hak, pengenaan atau pemindahan akan dianggap batal dan tidak sah.

10.9. Syarikat, rakan kongsi atau mana-mana ahli gabungan lain mungkin mempunyai manfaat material, hubungan sah atau pengaturan berkenaan transaksi di platform perdagangan atau di Papan Pemuka atau manfaat material, hubungan sah atau pengaturan yang berkonflik dengan kepentingan Klien. Contohnya, Syarikat mungkin:

a) bertindak sebagai pihak lawan berkenaan dengan mana-mana aset;

b) mencadangkan rakan kongsi Syarikat lain sebagai pihak lawan untuk operasi perdagangan;

c) memberikan cadangan dan memberikan perkhidmatan kepada rakan kongsi atau klien lain Syarikat berkenaan aset yang diminati mereka, walaupun perkara ini berkonflik dengan kepentingan Klien.

10.10. Klien bersetuju dan membenarkan Syarikat untuk bertindak berkenaan dengan Klien dan untuk Klien sepertimana ditentukan sesuai oleh Syarikat, walaupun wujudnya konflik kepentingan berpotensi atau kewujudan beberapa manfaat material berkenaan dengan mana-mana transaksi pada terminal perdagangan atau di Papan Pemuka tanpa pemberitahuan terlebih dahulu kepada Klien. Kewujudan konflik kepentingan atau manfaat material berkenaan mana-mana transaksi pada terminal perdagangan atau Papan Pemuka tidak boleh menjejaskan peruntukan perkhidmatan kepada Klien oleh pekerja Syarikat. Dari masa ke masa Syarikat boleh bertindak bagi pihak Klien dengan pihak yang mana Syarikat atau mana-mana pihak yang berkenaan mempunyai perjanjian untuk menerima barangan atau perkhidmatan. Syarikat menjamin bahawa perjanjian sedemikian dicapai setakat mana yang mungkin untuk manfaat Klien, misalnya, perjanjian sedemikian membolehkan akses ke maklumat dan perkhidmatan lain yang sebaliknya tidak boleh diakses.

10.11. Jika mahkamah bidang kuasa yang sah mengisytiharkan mana-mana peruntukan Perjanjian (atau mana-mana bahagian mana-mana peruntukan)

sebagai tidak sah, peruntukan tersebut akan dianggap sebagai bahagian berasingan Perjanjian itu dan tidak akan menjejaskan penguatkuasaan undang-undang Perjanjian selebihnya.

10.12 Syarikat boleh menggantung perkhidmatan kepada Klien pada bila-bila masa (pemberitahuan terlebih dahulu kepada Klien tidak diperlukan.)

10.13 Semasa keadaan yang ditidak dihuraikan dalam Perjanjian, Syarikat akan bertindak menurut amalan terbaik pasaran berdasarkan prinsip-prinsip kejujuran dan keadilan.

10.14 Syarikat berhak untuk menyediakan dan menggunakan teks Perjanjian dan lampirannya dalam bahasa-bahasa selain bahasa Inggeris. Jika terdapat percanggahan antara teks Perjanjian ini dan lampirannya dalam bahasa Inggeris dan teks berkenaan dalam bahasa lain, teks bahasa Inggeris akan dirujuk. Teks perjanjian yang disiarkan di laman web Syarikat akan mengatasi teks Perjanjian yang disiarkan di tempat lain.

## **11. Senarai Negara yang mana Syarikat Tidak Menjalankan Urus Niaga**

11.1. Syarikat tidak menjalankan perniagaan di negara-negara berikut dan tidak menyediakan perkhidmatan kepada individu yang berkaitan dengan negara-negara tersebut: Gibraltar, the Isle of man, Guernsey, Jersey, Australia, Kanada, Amerika Syarikat, Jepun, Austria, Belgium, Bulgaria, Croatia, Cyprus, Liechtenstein, Czech Republic, Denmark, Estonia, Finland, Perancis, Jerman, Greece, Hungary, Ireland, Iceland, Itali, Israel, Latvia, Lithuania, Luxembourg, Malta, Belanda, Norway, New Zealand, Poland, Portugal, Romania, Slovakia, Slovenia, Sepanyol, Switzerland, Sweden dan Great Britain;

11.2 Individu yang berkaitan dengan sesebuah negara ditakrifkan sebagai individu:

11.2.1. memiliki kewarganegaraan, visa penduduk tetap, atau dokumen setara dari negara yang mana Syarikat tidak menjalankan perniagaan;

11.2.2. menetap di negara yang mana Syarikat tidak menjalankan perniagaan, seorang penduduk tetap di negara yang mana Syarikat tidak menjalankan perniagaan, atau memiliki alamat surat menyurat di negara yang mana Syarikat tidak menjalankan perniagaan;

11.2.3. yang mana tempat lahir mereka adalah di negara yang mana Syarikat tidak menjalankan perniagaan;

11.2.4. memiliki nombor telefon dengan kod negara dari negara yang mana Syarikat tidak menjalankan perniagaan; memiliki alamat ip yang berkaitan dengan negara yang mana Syarikat tidak menjalankan perniagaan;

11.2.5. memiliki hubungan lain dengan negara yang mana Syarikat tidak menjalankan perniagaan sepertimana ditakrifkan oleh Syarikat mengikut budi bicaranya.

11.3. Sekiranya didapati bahawa Syarikat menyediakan perkhidmatan kepada individu yang berkaitan dengan negara-negara yang mana Syarikat tidak menjalankan perniagaan, Syarikat boleh mengenakan akibat yang disenaraikan dalam fasal 8.5 Perjanjian atau mengambil langkah-langkah lain menurut Perjanjian.